

09 MAR 2000

Razaleigh-Umno

SAYA TIDAK BOLEH LARI DARI TANGGUNGJAWAB, KATA RAZALEIGH

KUALA LUMPUR, 9 Mac (Bernama) -- Tengku Razaleigh Hamzah berkata hari ini beliau tidak boleh lari daripada tanggungjawab dalam Umno walau seberat manapun ia diberi kepadanya sekiranya ia sesuai dengan kemampuannya.

Ketua Umno Kelantan itu berkata jawatan dalam Umno bukan satu pekerjaan atau penghormatan tetapi tanggungjawab yang mesti dipikul berdasarkan keyakinan orang yang hendak dipimpin.

Katanya, keyakinan itu mesti datang dari bawah dan tidak boleh ditentukan oleh orang atasan.

Tengku Razaleigh berkata demikian dalam satu kenyataan sebagai respons kepada desakan pucuk pimpinan Umno supaya beliau mengumumkan pendiriannya sama ada mahu bertanding pada pemilihan parti itu Mei depan.

Tengku Razaleigh berkata dalam sejarah Umno ramai pemimpin besar parti menjadi pemimpin kerana diminta untuk memimpin, bukannya dengan cara memaksa orang bawah menerima kepimpinan mereka.

"Pemimpin dulu tidak membuat pengumuman, mungkin kerana tabiat Melayu, mereka rasa malu untuk meminta-minta jadi pemimpin. Pertandingan dalam parti bukannya perlawanan tinju untuk merebut hadiah daripada kemenangan sehingga perlu membuat pengumuman terlebih dahulu.

"Sebaliknya pertandingan dalam parti ialah untuk memikul tanggungjawab. Apatah lagi keadaan Umno sendiri ketika itu yang sama kritikal seperti hari ini, di mana orang mahu melihat sejauh mana kepimpinan Umno dapat menarik orang Melayu untuk bersamanya," katanya.

Tengku Razaleigh menegaskan bahawa pilihan kepimpinan Melayu mestilah untuk masa depan bangsa Melayu dan bukan untuk masa depan mana-mana individu.

Beliau berkata sebab itulah pemimpin Umno dahulu menunggu orang bawah menentukan apa yang layak untuk mereka.

Mengenai pencalonan daripada bahagian-bahagian Umno untuk jawatan-jawatan yang akan dipertandingkan pada pemilihan itu, Tengku Razaleigh berkata: "Sekiranya orang bawah menganggap saya tidak layak atau tidak memenuhi kriteria untuk memimpin, saya rela untuk terus menjadi 'gurkha'".

"Bagi saya, ada atau tidak ada jawatan tidak penting. Sebagai orang Melayu yang ingin terus menjadi salah seorang pejuang bangsa, saya percaya diri saya dan ramai lagi anggota Umno yang lain, masih boleh memberi sumbangan kepada orang Melayu dan negara tanpa membuat sebarang pengumuman".

Tengku Razaleigh juga mengucapkan terima kasih kepada sesetengah pemimpin Umno yang mencadangkan supaya beliau bertanding jawatan naib presiden pada pemilihan itu.

"Bagi saya ini adalah trend baru di mana kelihatan seolah-olah ada pakatan di kalangan mereka untuk menentu dan mengatur kedudukan orang lain dalam parti kita," katanya.

Tengku Razaleigh berkata beliau hairan kenapa begitu banyak spekulasi yang masih ditimbulkan mengenai kedudukannya menjelang pertandingan itu.

Merujuk kepada pelbagai spekulasi akhbar berhubung kedudukannya, beliau berkata: "Mereka yang buat berita 'tidak bertanding' turut membuat berita 'bertanding' selepas itu walaupun sudah berkali-kali saya buat kenyataan yang sama mengenai perkara ini.

"Apalah saya ini, dibuat seperti bola, ditendang ke sana ke sini," katanya.

Proses pencalonan untuk jawatan-jawatan pada pemilihan itu dijalankan sebulan bermula 1 Mac oleh 165 bahagian Umno.

Setakat ini 17 bahagian telah mengadakan mesyuarat dan kesemuanya mencalonkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi masing-masing untuk jawatan No. 1 dan No. 2 parti.

Dr Mahathir adalah Presiden Umno manakala Abdullah Naib Presiden yang menjalankan tugas Timbalan Presiden yang menjadi kosong ekoran pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Umno pada 3 Sept 1998.

Trend pencalonan Dr Mahathir dan Abdullah setakat ini adalah selaras dengan nasihat Majlis Tertinggi Umno kepada bahagian-bahagian supaya kedua-kedua mereka dicalonkan untuk jawatan-jawatan berkenaan.

Ini bagaimanapun tidak melenyapkan spekulasi mengenai Tengku Razaleigh yang dikatakan dijangka dicalonkan untuk salah satu jawatan terpenting pada pemilihan itu.

-- BERNAMA

AU NMO